A

Pendakwa Raya lwn Shahareeil bin Said

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — SEMAKAN JENAYAH NO 43–04 TAHUN 2006

B ZAINAL ADZAM H

25 APRIL 2007

C *Acara Jenayah — Semakan — Permohonan untuk — Kesalahan trafik — Kes didaftar di mahkamah sesyen didengar dan diputuskan oleh mahkamah sesyen lain tanpa pengetahuan mahkamah terdahulu — Kes didengar dalam kamar tanpa kehadiran pegawai pendakwa dan orang kena saman — Sama ada menjejaskan proses keadilan — Sama ada tidak sah dan terbatal — Kanun Acara Jenayah ss 7, 47(b), 323; Akta Jalan Raya 1987 s 23(3); Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 s 101(1); Perlembagaan Persekutuan perkara 145(3)*

D

Melalui surat bertarikh 17 Oktober 2006, Hakim Mahkamah Sesyen I, Sungai Petani telah memohon untuk semakan kehakiman di bawah s 323 Kanun Acara Jenayah ke atas kes No 86-10011/2006 ('kes tersebut'), Mahkamah Majistret II, Sungai Petani ('SP2'). Permohonan itu berpunca daripada surat aduan oleh SP2 kepada Hakim, Mahkamah Sesyen I yang mendakwa bahawa kes tersebut yang didaftarkan di Mahkamah Majistret II telah disebut dan diputuskan di dalam kamar oleh Majistret, Mahkamah Majistret I ('SP4') tanpa pengetahuannya. SP2 juga menyatakan bahawa dia hadir bertugas pada hari berkenaan. Pegawai pendakwa yang hadir bertugas di Mahkamah Majistret II pada hari itu juga tidak hadir semasa kes tersebut diputuskan oleh SP4. Orang kena saman dalam kes tersebut juga tidak hadir di hadapan Majistret, Mahkamah Majistret I pada hari berkenaan.

E

F

G

Diputuskan:

(1) Kecuali dibenarkan oleh undang-undang, semua kes-kes jenayah dikehendaki dibicarakan di mahkamah terbuka. Apa yang dilakukan oleh SP4 dalam kes ini jelas bertentangan dengan peruntukan-peruntukan s 101(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 dan s 7 Kanun Acara Jenayah. Kes saman trafik merupakan kes jenayah dan oleh yang demikian dikehendaki dibicarakan di mahkamah terbuka. Pertuduhan dalam kes ini tidak masuk ke dalam pengecualian-pengecualian yang dimaksudkan dalam s 101(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 (lihat perenggan 9–10).

H

I

(2) Kertas pertuduhan ('P5') tidak termasuk ke dalam pengecualian sepertimana diperuntukkan dalam Kanun Acara Jenayah. Oleh yang demikian SP4 apabila mengendali dan memutuskan pertuduhan sepertimana dalam P5 tanpa kehadiran orang kena saman telah menyalahi peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sebaliknya apa yang sepatut dilakukan oleh SP4 apabila orang kena saman tidak menghadiri di hadapannya bagi

menjawab pertuduhan di dalam P5 ialah untuk mengeluarkan waran tangkap terhadapnya kerana tidak mematuhi saman berkenaan. Ini merupakan kehendak sepertimana diperuntukkan dalam s 47(b) Kanun Acara Jenayah (lihat perenggan 13).

(3) Satu lagi kesan ketidakhadiran orang kena saman di hadapan SP4 ialah SP4 telah gagal mengambilkira peruntukan s 23(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Mengikut peruntukan tersebut apabila pemegang lesen kenderaan disabitkan, mahkamah boleh menggantungkan lesen berkenaan selama jangkamasa sahnya lesen berkenaan atau bagi jangkamasa yang lebih singkat dan lesen berkenaan jika digantungkan hendaklah dihantarkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan bersama salinan perintah yang dibuat oleh mahkamah. Peruntukan ini telah diabaikan oleh SP4 dan oleh yang demikian orang kene saman bebas menggunakan serta memperbaharui lesen kenderaannya (lihat perenggan 14).

(4) Adalah menjadi prinsip undang-undang acara jenayah bahawa pengakuan salah tidak boleh diterima oleh mahkamah kecuali ianya dinyatakan oleh tertuduh sendiri di hadapan mahkamah, sama ada tertuduh diwakili oleh peguambela atau tidak: *Rex v Tan Thian Chai & Gnoh Chee Bah* [1932] MLJ 74 diikut. Apa yang berlaku dalam kes ini ialah pengakuan salah diterima bukan daripada orang kena saman tetapi wakilnya. Perkara tersebut jelas tidak memenuhi kehendak prinsip-prinsip undang-undang (lihat perenggan 15–16).

(5) Semua pengendalian kes jenayah dikehendaki di sisi undang-undang dilakukan atas nama Pendakwa Raya dan oleh yang demikian kes jenayah mesti dibicarakan dengan kehadiran pegawai pendakwa atau Timbalan Pendakwa Raya. Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa mengendalikan ('conduct') pendakwaan ke atas semua kesalahan di mahkamah diberikan kepada Peguam Negara (lihat perenggan 17); *Repco Holdings Bhd v PP* [1997] 3 MLJ 681 diikut.

(6) Daripada segi pentadbiran pula didapati bahawa SP4 telah melanggar peraturan jabatan yang telah ditetapkan. SP4 sendiri menyedari bahawa Mahkamah Majistret I yang dikendali olehnya tidak membicarakan kes-kes saman trafik yang didaftarkan di bawah Mahkamah Majistret II. Walaupun SP2 dan pegawai pendakwa hadir bertugas pada hari berkenaan, SP4 telah mengendalikan dan memutuskan kes tersebut yang merupakan kes di bawah bidang kuasa SP2. SP4 tidak terlebih dahulu memohon kebenaran daripada ketua jabatannya, Hakim Mahkamah Session I sebelum mengendalikan kes tersebut. Selepas memutuskan kes tersebut juga SP4 tidak memberitahu ketua jabatannya ataupun SP2 sehingga diminta beri penjelasan oleh ketua jabatannya melalui surat bertarikh 18 Oktober 2006 (lihat perenggan 20).

[English summary

By a letter dated 17 October 2006, the Sessions Court I, Sungai Petani judge had prayed for a revision under s 323 of the Criminal Procedure Code of case No 86-10011/2006 ('the said case'), Magistrate's Court II, Sungai Petani ('SP2'). The application was based on a complaint by SP2 to the Judge, Sessions Court I who had alleged that the said case registered in Magistrate's Court II had been mentioned and decided in chambers by the Magistrate, Magistrate's Court I ('SP4') without his

knowledge. SP2 had also alleged that he was on duty on the particular day. The prosecution officer on duty at Magistrate's Court II that day was not present when the cases was decided by SP4. The person sued in the said case also was not present before the Magistrate, Magistrate's Court I on the particular day.

Held:

(1) Unless allowed by law, all criminal cases should be tried in open court. What SP4 had done in this case was contrary to the provisions of s 101(1) of the Subordinate Courts Act 1948 and s 7 of the Criminal Procedure Code. A traffic summons case is a criminal case and therefore should be tried in open court. The charge in this case was not included in the exceptions purported in s 101 of the Subordinate Courts Act 1948 (see paras 9–10).

(2) The charge sheet ('P5') was not included in the exception as provided in the Criminal Procedure Code. There fore SP4 when conducting and deciding on the charge as in P5 without the presence of the person summoned had breached the provisions stipulated by law. Otherwise what should be done by SP4 when the sued person was not present in court before him as to answer the charge in P5 was to issue a warrant of arrest against him for not complying to the said summons. This is a requirement as provided in s 47(b) of the Criminal Procedure Code (see para 13).

(3) Another effect for non attendance of a person sued before SP4 was that SP4 had failed to consider the provision of s 23(3) of the Road Transport Act 1987. By virtue of the provision if a license holder is convicted, the could can suspend the license for a valid period of the license or a shorter period and the license if suspended should be delivered to the Road Transport Department together with a copy of the court order. This provision was ignored by SP4 and therefore the person sued is free to use and also renew his vehicle license (see para 14).

(4) It is the principle of law for criminal procedure that a guilty plea cannot be admissible by court unless it had been pleaded by the accused himself before the court, whether the accused is represented by a counsel or not: *Rex v Tan Thian Chai & Gnoh Chee Bah* [1932] MLJ 74 followed. What had transpired in this case was a plea of guilty which was accepted not from the person sued but his representative. This clearly did not comply with the requirements of the principle of law (see paras 15–16).

(5) Any criminal case is required by law to be conducted by a Public Prosecutor and therefore a criminal case should be tried with the attendance of a prosecuting officer or a Deputy Public Prosecutor. Article 145(3) of the Federal Constitution provides that the authorised power to conduct a prosecution of all offences in court is granted by the Attorney General (see para 17); *Repco Holdings Bhd v PP* [1997] 3 MLJ 681 followed.

(6) From the administration aspect it was discovered that SP4 had breached the departmental rule stipulated. SP4 himself realised that Magistrate Court I conducted by him did not hear traffic summons cases registered under Magistrate's Court II. Even though SP2 and the prosecution officer was on duty that particular day, SP4 had conducted and determined the case which

was a case under the jurisdiction of SP2. SP4 had not initially applied for permission from his head of department, the Sessions Court I Judge before conducting the case. After determining the case SP4 also did not inform his head of department or SP2 until asked for an explanation by his head of department by a letter dated 18 October 2006 (see para 20).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk semakan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3106–3117.

Kes-kes yang dirujuk

Lee Weng Tuck v PP [1989] 2 MLJ 143 (dirujuk)
Liaw Kwai Wah v PP [1987] 2 MLJ 69 (dirujuk)
PP v Datuk Harun bin Hj Idris [1976] 2 MLJ 116 (dirujuk)
PP v Tengku Mahmood Iskandar [1973] 1 MLJ 128 (dirujuk)
Repco Holdings Bhd v PP [1997] 3 MLJ 681 (diikut)
Rex v Tan Thian Chai & Gnoh Chee Bah [1932] MLJ 74 (diikut)
Sussex v Justices, ex parte Mc Carthy [1924] 1 KB 256 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Industri Sekuriti 1983 s 126(2)
Akta Kanak-Kanak 2001 s 12
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 31
Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 s 101(1)
Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 23(2)(3)
Kanun Acara Jenayah ss 7, 47(b), 137, 173(a), 323–327, 376, 377, 419, 422
Kanun Keseksaan s 82
Perlembagaan Persekutuan perkara 145(3)

Azahar bin Abdul Hamid (Timbalan Pendakwa Raya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa raya.

Zainal Adzam H:

[1] Melalui surat bertarikh 17 Oktober 2006 Hakim Mahkamah Sesyen I, Sungai Petani telah memohon untuk semakan kehakiman dibawah s 323 Kanun Acara Jenayah ke atas kes No 86–10011/2006, Mahkamah Majistret II, Sungai Petani. Permohonan itu berpunca daripada surat aduan oleh Majistret, Mahkamah Majistret II, Sungai Petani kepada Hakim, Mahkamah Sesyen I yang mendakwa bahawa kes tersebut yang didaftarkan di Mahkamah Majistret II telah disebut dan diputuskan di dalam kamar oleh Majistret, Mahkamah Majistret I tanpa pengetahuannya pada 15 Oktober 2006. Majistret berkenaan juga menyatakan bahawa dia hadir bertugas pada hari berkenaan. Pegawai pendakwa yang hadir bertugas di Mahkamah Majistret II pada hari itu juga tidak hadir semasa kes tersebut diputuskan oleh Majistret, Mahkamah Majistret I. Orang kena saman dalam kes tersebut juga tidak hadir di hadapan Majistret, Mahkamah Majistret I pada hari berkenaan tetapi diwakili oleh seorang bernama Sukri.

[2] Setelah menerima surat aduan itu saya telah mengarahkan Hakim Mahkamah Sesyen I, Sungai Petani yang merupakan ketua jabatan di Mahkamah-Mahkamah Sungai Petani untuk membuat satu siasatan serta menghantarkan rekod mengenai kes berkenaan kepada saya. Hakim Mahkamah Sesyen I, Sungai Petani telah memberi arahan melalui surat bertarikh 18 Oktober 2006 kepada Majistret, Mahkamah Majistret I, untuk memberi penjelasan mengenai aduan tersebut. Melalui surat bertarikh 19 Oktober 2006 Majistret, Mahkamah Majistret I telah memberi penjelasannya kepada Hakim Mahkamah Sesyen I. Kedua-dua surat masing-masing diberikan salinan kepada saya. Setelah meneliti rekod bagi kes tersebut dan surat-surat berkenaan saya telah memutuskan untuk membuat satu semakan dengan mendengar keterangan semua pihak yang berkenaan dan bagi tujuan tersebut pihak Timbalan Pendakwa Raya dijemput untuk membantu Mahkamah.

[3] Kuasa semakan Mahkamah Tinggi diperuntukkan dalam Bahagian VII, Bab XXXI (ss 323–327) Kanun Acara Jenayah dan s 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Pada dasarnya Mahkamah Tinggi diberi tanggungjawab untuk menentukan perbicaraan jenayah dilaksanakan secara betui oleh mahkamah rendah. Tanggungjawab Hakim Mahkamah Tinggi adalah untuk menentukan bahawa ketetapan, hukuman atau perintah yang diberi atau direkodkan dibuat secara betui, sesuai dan sah di sisi undang-undang serta menentukan kesahihan prosiding di mahkamah rendah (*Liaw Kwai Wah v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69).

[4] Pihak Timbalan Pendakwa Raya telah memanggil enam saksi di hadapan saya. SP1, Pendaftar, Mahkamah Sesyen, Sungai Petani telah menyatakan bahawa ada dua Mahkamah Majistret di Sungai Petani, iaitu, nombor I dan nombor II. Kes-kes saman jenayah hanya didaftarkan di Mahkamah Majistret I dan saman kes-kes trafik hanya didaftar di mahkamah Majistret II. Pembahagian tersebut dilaksanakan daripada masa bangunan Mahkamah Sungai Petani mula digunakan pada tahun 2000. Pada hari berkenaan, iaitu, 15 Oktober 2006, Majistret Mahkamah Majistret I (SP4) dan Majistret, Mahkamah Majistret II (SP3) mengikut rekod hadir bertugas di Mahkamah Sungai Petani. Kes berkenaan telah didaftarkan di Mahkamah Majistret II mengikut Buku Daftar Kes (P3). Mengikut P3 itu, bagi kes berkenaan orang kena saman didenda RM100 dan denda telah dibayar dengan resit rasmi (P4) dikeluarkan. Pembayaran denda juga telah direkodkan ke atas kertas pertuduhan berkenaan (P5). (P5) merupakan pertuduhan terhadap SP6 dibawah s 23(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman maksima RM2,000.

[5] SP2 adalah Majistret, Mahkamah Majistret II dan telah menyatakan bahawa pada 15 Oktober 2006 dia hadir bertugas di Mahkamah. Kad rakaman waktu (PI) mengesahkan dia mula bertugas pada 7.54 pagi dan balik pada 4.49 petang. Pada hari berkenaan pegawai pendakwa Mahkamah Majistret II ada juga bertugas. Mengikut SP2 semua kes-kes saman trafik dibicarakan di Mahkamah Majistret II. Bagi (P5) dia mengesahkan bahawa catitan-catitan dan tulisan yang terdapat dalamnya adalah catitan-catitan dan tulisan oleh Majistret, Mahkamah Majistret I (SP4) kerana dia biasa dan boleh mengecam tulisannya setelah bekerja dengannya lebih daripada satu tahun. SP2 juga menyatakan bahawa kes-kes Mahkamah Majistret II hanya boleh dibicarakan oleh Majistret yang lain sekiranya arahan atau kebenaran Hakim

Mahkamah Sesyen I diperolehi terlebih dahulu. Bagi kes dalam kertas pertuduhan P5 dia tidak menerima apa-apa arahan daripada Hakim Mahkamah Sesyen I untuk dibicarakan oleh Majistret yang lain.

[6] SP3 (ASP Segaran a/I Thanabalan) merupakan pegawai pendakwa Mahkamah Majistret II dan dia mengesahkan bahawa pada 15 Oktober 2006 dia dan SP2 hadir bertugas di Mahkamah Sungai Petani. SP3 telah pada hari itu sampai bertugas di Mahkamah pada 8.50 pagi. SP3 telah bertugas dengan SP2 selama lebih kurang dua tahun dan boleh mengecam tulisan SP2. Bagi P5, dia mengesahkan bahawa catatan 'ASP Segaran' di ruang 'Pendakwa' bukan tulisan SP2. Tandatangan dalam P5 juga bukan tandatangan SP2. SP2 juga menyatakan bahawa dia tidak hadir semasa kes tersebut dijalankan dan tiada pegawai pendakwa 'ASP Segaran' selain daripada dia di Mahkamah Majistret, Sungai Petani. Melihat kepada P5, SP3 menyatakan bahawa kertas pertuduhan tersebut dikeluarkan daripada Mahkamah Majistret II dan sebut di Mahkamah Majistret I tanpa pengetahuannya.

[7] SP4 pula merupakan Majistret Mahkamah Majistret I dan telah mengesahkan bahawa Mahkamah Majistret I hanya mendengar kes-kes di Mahkamah Kanak-Kanak dan saman-saman Jabatan. Kes-kes saman trafik disahkan olehnya tidak diperuntukkan didengar oleh Mahkamah Majistret I. Pada lebih kurang 9 pagi 15 Oktober 2006 kes P5, satu saman trafik dibawa kepadanya oleh Lans Koperal Sukri (SP5), wakil orang kena saman. Mengikut SP4 dia telah memaklumkan kepada SP5 untuk merujuk kepada Mahkamah Majistret II kerana kes tersebut di bawah bidang kuasa Mahkamah Majistret II. Walau bagaimanapun, SP5 enggan berbuat demikian. Oleh itu SP4 telah mendengar kes tersebut di dalam kamarnya. SP4 juga mengesahkan bahawa tiada pegawai pendakwa hadir semasa itu dalam kamarnya dan 'ASP Segaran' yang dicatitkan olehnya di atas P5 tidak ada dalam kamarnya semasa prosiding di hadapannya. Apabila disoalkan oleh saya SP4 menyatakan bahawa kes-kes saman trafik tidak biasa dibicarakan di dalam kamar kecuali kes saman trafik juvana. Juga SP4 menyatakan bahawa kes saman trafik tidak biasa dibicarakan tanpa kehadiran pegawai pendakwa. SP4 telah kendalikan kes P5 tanpa kehadiran orang kena saman dan pegawai pendakwanya kerana atas niat melupuskan kes saman. Mengikut SP4 bagi pelupusan saman di dalam kamar, ianya terpulang kepada budi bicara majistret berkenaan. SP4 menambah bahawa bagi kes P5 majistret yang berkenaan sepatutnya ialah Majistret, Mahkamah Majistret II, Sungai Petani.

[8] SP5 adalah Lans Koperal yang bertugas di Mahkamah Majistret II. Pada 15 Oktober 2006, SP5 berjumpa SP4 di dalam kamarnya dengan membawa kes P5 iaitu satu kes saman trafik terhadap SP6, seorang kawannya. SP5 mengaku dia menyedari bahawa P5 sepatutnya dibicarakan oleh SP2 yang hadir di Mahkamah Majistret II pada hari itu. SP5 mengesahkan bahawa walaupun pegawai pendakwa SP3 hadir bertugas, SP3 tidak ada bersama di kamar SP4 semasa itu. SP4 mengikut SP5 tidak menasihatkannya untuk bawa P5 kepada Mahkamah Majistret II. Sebab SP5 membawa P5 kepada SP4 ialah kerana Majistret, Mahkamah Majistret II tidak mahu wakil hadir bagi kes saman trafik. SP5 mengesahkan dia tidak merujukkan P5 kepada SP3 sebelum atau selepas disabitkan oleh SP4. SP5 mengaku bahawa dia sepatutnya mendapatkan kebenaran SP3 sebelum mengambil P5 dan bahawa dia tidak ada kuasa memindahkan kes saman daripada Mahkamah Majistret

A II ke Mahkamah Majistret I. Akhir sekali, SP6 merupakan orang yang kena saman dalam P5. SP6 mengaku bahawa dia tidak pergi ke Mahkamah atas pertuduhan P5 pada 15 Oktober 2006 kerana telah memberi RM100 kepada SP5 untuk menyelesaikan bagi pihaknya.

B **[9]** Untuk menentukan kesan akibat keadaan sepertimana yang telah berlaku, kedudukan perundangan mengenai tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh SP4 dan SP5 perlu diperjelaskan. Kecuali dibenarkan oleh undang-undang, semua kes-kes jenayah dikehendaklah dibicarakan di mahkamah terbuka. Bagi mahkamah rendah s 101(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 memperuntukkan sedemikian:

C

> (1) The place in which any court is held for the purpose of trying any cause or matter, civil or criminal, or holding any inquiry, shall be deemed an open and public court to which the public generally may have access.
>
> D Provided that the court shall have power to hear any matter or proceeding or any part thereof in camera if the court is satisfied that it is expedient in the interests of justice, public safety, public security or propriety, or for other sufficient reason so to do.

Selain daripada itu s 7 Kanun Acara Jenayah pula memperuntukkan sedemikian:

> E The place in which any criminal court is held for the purpose of inquiring into or trying any offence shall be deemed an open and public court to which the public generally may have access.

[10] Apa yang dilakukan oleh SP4 dalam kes ini jelas bertentangan dengan F peruntukan-peruntukan sepertimana tersebut di atas. Kes saman trafik merupakan kes jenayah dan oleh yang demikian dikehendaki dibicarakan di mahkamah terbuka. Pertuduhan dalam kes ini tidak masuk ke dalam pengecualian-pengecualian yang dimaksudkan dalam s 101(1) Akta Mahkamah-Mahkamah 1948. Selain daripada itu pertuduhan P5 juga tidak termasuk di bawah pengecualian sepertimana di bawah s 12 Akta Kanak-Kanak 2001 yang menetapkan bahawa semua kes-kes terhadap G 'kanak-kanak' (mengikut s 2 seseorang dibawah umur 18 tahun dan bagi perbicaraan jenayah seseorang yang belum mencapai bertanggungjawab jenayah sepertimana ditentukan dalam s 82 Kanun Keseksaan) yang dikehendaki dibicarakan dalam kamar majistret atau bangunan mahkamah yang khas berasingan daripada mahkamah biasa dan dihalang daripada dihadiri oleh sesiapa yang tidak ada H berkenaan seperti orang awam dan sebagainya. SP6 tidak merupakan 'kanak-kanak' di sisi undang-undang.

[11] Kehendak dalam s 101(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 dan s 7 Kanun Acara Jenayah amat jelas: mahkamah terbuka merupakan mahkamah I mempunyai akses kepada orang awam. Keadaan sedemikian kerana adalah menjadi prinsip asas undang-undang jenayah (tertakluk kepada pengecualian-pengecualian yang telah dinyatakan) bahawa perbicaraan dikehendaki diadakan secara terbuka dan telus supaya keadilan bukan sahaja dilaksanakan tetapi nampak dilaksanakan. Perkara inilah yang sebenarnya memberi keyakinan dan kepercayaan orang awam kepada sistem keadilan negara ini. Prinsip yang telah berakar berumbi dalam sistem

keadilan kita telah mula dinyatakan oleh Lord Heward CJ dalam kes *Sussex v Justices, ex parte Mc Carthy* [1924] 1 KB 256 seperti berikut: A

> It is not merely of some importance, but is of fundamental importance that justice should not only be done, but should manifestly and undoubtly be seen to be done.

B

[12] Seksyen 173(a) Kanun Acara Jenayah menetapkan bahawa di Mahkamah Majistret, tertuduh dikehendaki hadir di hadapan mahkamah dalam semua perbicraan supaya pertuduhan boleh dibaca dan dijelaskan serta plinya diambil untuk menentukan sama ada dia mengaku salah atau minta dibicarakan. Walau bagaimanapun, s 137 Kanun Acara Jenayah memberikan majistret budi C bicara, dalam keadaan tertentu seperti mana diperuntukkan di dalam s 137(2), untuk mengecualikan kehadiran tertuduh. Mengikut peruntukan tersebut Majistret boleh mengecualikan kehadiran tertuduh bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara sahaja atau penjara tidak melebihi tiga bulan. Bagi kes-kes tersebut tertuduh boleh mengaku salah melalui surat atau peguam belanya tanpa menghadiri D mahkamah. Peruntukan ini adalah untuk memudahkan penyelesaian kes-kes yang merupakan kesalahan-kesalahan kecil dan remeh-temeh. Seksyen 137(2) memperuntukkan sedemikian:

> In any case relating to an offence punishable by fine only or by imprisonment only of a term not exceeding three months or by both fine and imprisonment not exceeding three months E and in which a Magistrate has issued a summons, an accused person desiring to plead guilty and be convicted and sentenced in his absence may appear by advocate, or may by letter addressed to the Magistrate plead guilty and submit to pay any fine which may be imposed in respect of such offence and the Magistrate may thereupon record a plea of guilty and convict him according to law, and may sentence him to a fine with or without a sentence of imprisonment in default of payment of such fine. F

[13] Sekali lagi didapati bahawa pertuduhan P5 tidak termasuk ke dalam pengecualian sepertimana diperuntukkan dalam Kanun Acara Jenayah. Sepertimana telah dinyatakan pertuduhan dalam P5 membawa hukuman maksima RM2,000. Oleh yang demikian SP4 apabila mengendali dan memutuskan pertuduhan seperti G mana dalam P5 tanpa kehadiran SP6 telah menyalahi peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sebaliknya apa yang sepatut dilakukan oleh SP4 apabila orang kena saman tidak menghadiri di hadapannya bagi menjawab pertuduhan P5 ialah untuk mengeluarkan waran tangkap terhadapnya kerana tidak mematuhi saman berkenaan. Ini merupakan kehendak sepertimana diperuntukkan H dalam s 47(b) Kanun Acara Jenayah. Bukan sahaja waran tangkap tidak dikeluarkan oleh SP4 malahnya dia telah memutuskan pertuduhan P5 tanpa kehadiran orang kena saman.

[14] Satu lagi kesan ketidakhadiran orang kena saman di hadapan SP4 ialah SP4 I telah gagal mengambilkira peruntukan s 23(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Mengikut peruntukan tersebut apabila pemegang lesen kenderaan disabitkan, mahkamah boleh menggantungkan lesen berkenaan selama jangkamasa sahnya lesen berkenaan atau bagi jangkamasa yang lebih singkat dan lesen berkenaan jika digantungkan hendaklah dihantarkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan bersama

A salinan perintah yang dibuat oleh mahkamah. Peruntukan ini telah diabaikan oleh SP4 dan oleh yang demlkian SP6 bebas menggunakan serta memperbaharui lesen kenderaannya.

[15] Selain daripada itu adalah menjadi prinsip undang-undang acara jenayah
B bahawa pengakuan salah tidak boleh diterima oleh mahkamah kecuali ianya dinyatakan oleh tertuduh sendiri di hadapan mahkamah, sama ada tertuduh diwakili oleh peguambela atau tidak. Prinsip ini telah ditetapkan oleh mahkamah seawal tahun 1932 lagi dalam kes *Rex v Tan Thian Chai & Gnoh Chee Bah* [1932] MLJ 74. Mahkamah Agung telah menetapkan beberapa perlindungan-perlindungan untuk menentukan kesahihan pengakuan salah dalam kes *Lee Weng Tuck v Public Prosecutor*
C [1989] 2 MLJ 143, 147. Dalam kes itu Mohamed Azmi HMR telah menyatakan sedemikian:

> A plea of guilty must be valid and unequivocal, and in order to determine the validity of a plea of guilty, the safeguards which must be followed might be stated as follows:
>
> D (i) The court must ensure that it is the accused himself who wishes to plead guilty. Thus in *R v Tan Thian Chai & Anor,* Whitley J held that an accused person should plead guilty or claim to be tried by his own mouth and not through his counsel;
>
> (ii) The court must ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea;
>
> E (iii) The court must ascertain that the accused intends to admit without qualification the offence alleged against him.

[16] Apa yang berlaku dalam kes ini ialah pengakuan salah diterima bukan daripada orang kena saman tetapi wakilnya, SP5. Perkara tersebut jelas tidak
F memenuhi kehendak prinsip-prinsip undang-undang sepertimana tersebut di atas. Untuk memburukkan lagi keadaan, SP4 dengan penuh kesedaran telah mencatitkan dalam P5 beberapa perkara yang palsu. Pertama, di ruangan 'Pli' SP4 telah merekodkan 'PBTF, MS, FSAP.' (iaitu: 'Pertuduhan dibaca, diterangkan dan difahami; Mengaku salah; Faham sifat dan akibat pengakuannya'). Semua itu tidak
G dilakukan oleh SP4 kerana SP6 tidak hadir di hadapannya di dalam kamar semasa itu. Di ruangan 'Pendakwa' SP4 pula merekodkan 'ASP Segaran'. Ini juga tidak benar kerana tiada pegawai pendakwa atau SP3 tidak hadir di dalam kamar SP4 semasa itu.

[17] Semua pengendalian kes jenayah dikehendaki di sisi undang-undang
H dilakukan atas nama Pendakwa Raya dan oleh yang demikian kes jenayah mesti dibicarakan dengan kehadiran pegawai pendakwa atau Timbalan Pendakwa Raya. Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa mengendalikan ('conduct') pendakwaan ke atas semua kesalahan di mahkamah diberikan kepada Peguam Negara. Apa yang dimaksudkan 'mengendalikan' dijelaskan oleh Abdoolcader H (semasa Yang Arif pada masa itu) dalam kes *Public*
I *Prosecutor v Datuk Harun bin Hj Idris* [1976] 2 MLJ 116, 119 seperti demikian:

> 'Conduct' in art 145 cl (3) cannot but refer to the conduct of prosecutions in court,... Conduct of criminal prosecutions and proceedings in art 145 cl (3) cannot connote the regulation or criminal procedure or of the jurisdiction of the courts or the power or discretion to do so. Any contrary contention would in effect in my view be tantamount to

> the suggestion of the Public Prosecutor abrogating to himself the legislative powers vested in Parliament under Item 4 and in particular paragraph (b) thereof in List I (Federal List) in the Ninth Schedule post... pursuing its signification, 'to conduct' means 'to lead, guide, manage'... It conveys the idea of leading and guiding, that is to say, the person who conducts the prosecution determines all important questions of policy involved in the course of the trial and the attitude to be adopted by the prosecution towards material objections raised or demands made by the accused with respect to the evidence.

[18] Seksyen 376 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan perkara yang sama seperti Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 377 Kanun Acara Jenayah pula memperuntukkan bahawa semua pengendalian pendakwaan di hadapan Majistret hendaklah dikendalikan oleh Pendakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Timbalan Pendakwa Raya, Penolong Timbalan Pendakwa Raya atau orang-orang yang dinyatakan yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya untuk mengendalikan pendakwaan. Peruntukan ini telah dipinda pada tahun 1998 kerana Mahkamah Tinggi dalam kes *Repco Holdings Bhd v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 681 telah memberi tafsiran yang ketat kepada Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Mengikut kes tersebut semua pendakwaan bagi kes-kes jenayah hendaklah hanya dijalankan oleh Pendakwa Raya atau orang-orang yang telah diberi kuasa olehnya secara bertulis. Tiada pihak-pihak lain yang boleh memberi kuasa pendakwaan atau menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di mahkamah. Oleh yang demikian dalam kes tersebut, peruntukan s 126(2) Akta Industri Sekuriti 1983 yang membenarkan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti untuk memberi kuasa secara bertulis kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya untuk mengendalikan pendakwaan, telah diisytiharkan oleh Mahkamah Tinggi sebagai *ultra vires* Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Hakim Gopal Sri Ram (bicara sebagai Hakim Mahkamah Tinggi) di muka surat 690 telah menyatakan:

> In my judgment, having regard to the authorities read before me, the expression 'conduct' appearing in art 145(3) and in the two impugned subsections carries the same meaning. Since the Constitution exclusively authorizes the Attorney General to conduct prosecutions, it must follow, as night follows day, that no other authority may be lawfully empowered to exercise that function. Therefore, it is my opinion, that s 126(2) of the SIA is *ultra vires* art 145(3) of the Federal Constitution save to the extent I shall now indicate.
>
> Subsection (2) of a 126 of the SIA refers to the conducting of a prosecution by the Registrar of Companies or by someone authorised by such Registrar in writing. As a matter of practice, the Registrar of Companies is usually a senior member of the Judicial and Legal Service. He or she is normally gazetted as a deputy public prosecutor. So, if the Registrar of Companies is a gazetted deputy public prosecutor and in such capacity conducts a prosecution of an offence under the SIA, that would not be caught by art 145(3) of the Constitution. But the Chairman of the Securities Commission is not placed on an equal footing. He is therefore not authorised lawfully, that is to say constitutionally, to authorize or to conduct prosecutions under the SIA...

[19] Berasaskan kedudukan jelas perundangan dan Perlembagaan sepertimana yang telah dinyatakan, semasa SP4 mengendalikan kes P5 di dalam kamar tanpa hadirnya pegawai pendakwa, persoalannya ialah siapakah yang mengendalikan pendakwaan kes P5 itu? Adakah SP4 telah menjadi pendakwa serta pengadil bagi kes itu? SP5 adalah Lans Koperal yang ditugas di Mahkamah Majistret II sebagai

pengawal keselamatan dan tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya untuk mengendalikan pendakwaan. Seksyen 377(b)(2) Kanun Acara Jenayah menetapkan bahawa pegawai pendakwa polis adalah pegawai yang tidak bawah daripada pangkat Inspektor. Kedua-dua SP4 dan SP5 telah jelas menyalahi kehendak-kehendak Perlembagaan dan perundangan berkaitan dengan perkara tersebut.

[20] Daripada segi pentadbiran pula didapati bahawa SP4 telah melanggar peraturan jabatan yang telah ditetapkan. SP4 sendiri menyedari bahawa Mahkamah Majistret I yang dikendali olehnya tidak membicarakan kes-kes saman trafik yang didaftarkan di bawah Mahkamah Majistret II. Walaupun Majistret Mahkamah II (SP2) dan pegawai pendakwa (SP3) hadir bertugas pada hari berkenaan, SP4 telah mengendalikan dan memutuskan P5 yang merupakan kes di bawah bidang kuasa SP2. SP4 tidak terlebih dahulu memohon kebenaran daripada ketua jabatannya, Hakim Mahkamah Sesyen I sebelum mengendalikan P5. Selepas memutuskan P5 juga SP4 tidak memberitahu ketua jabatannya ataupun SP2 sehingga diminta beri penjelasan oleh ketua jabatannya melalui surat bertarikh 18 Oktober 2006. Alasan SP4 bahawa dia telah menasihat SP5 merujuk P5 kepada Majistret Mahkamah Majistret II tidak boleh diterima kerana adalah tidak munasabah bahawa SP4 seorang Majistret, jika benar-benar mahu, tidak boleh mengarahkan SP5 seorang Lans Koperal untuk berbuat demikian. SP5 sendiri mengaku bahawa SP4 tidak mengarahkan dia berbuat demikian.

[21] Dalam surat penjelasannya kepada Hakim Mahkamah Sesyen I, SP4 telah, inter alia, merujuk kepada s 419 Kanun Acara Jenayah sebagai penjelasan tindakannya. Seksyen 419 tersebut memperuntukkan sedemikian:

> No finding, sentence or order of any criminal court shall be set aside merely on the ground that the inquiry, trial or other proceedings in the course of which it was arrived at, passed or made, took place in a wrong local area or before a wrong Magistrate or Court, unless it appears that such error occasioned a failure of justice.

[22] Selain daripada itu SP4 juga merujuk kepada s 422 Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan seperti berikut:

> Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account —
>
> Of any error, omission or irregularity in the complaint, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial, or in any inquiry or other proceeding under this Code; or
>
> Of the want of any sanction required by s 129; or
>
> Of the omission to settle or revise any list of jurors or assessors; or
>
> Of the want of qualification of any juror or assessor; or
>
> Of the improper admission or rejection of any evidence; or

Of any misdirection in any charge to jurors or assessors; Unless sech error, omission, improper admission or rejection of evidence, irregularity, want or misdirection has occasioned a failure of justice.

[23] Penjelasan SP4 dalam suratnya, dengan ringkas, adalah seperti berikut: Pertama, mengenai ketidakhadiran pegawai pendakwa, SP4 menyatakan ianya adalah 'kesilapan yang tidak dijangkakan' kerana dia dimaklumkan bahawa pegawai pendakwa akan hadir. Kedua, SP4 telah 'mencadangkan kepada wakil orang kena saman yang hadir supaya membawa kes tersebut di hadapan Puan Majistret, Mahkamah Majistret II dan memohon kebenaran terlebih dahulu sebelum didengar oleh saya'. SP4 tambah, 'Saya sendiri cuba menghubungi Puan Majistret II tetapi talian terus beliau sibuk. Untuk makluman Puan Hakim semenjak bulan Mei 2006 lagi masalah komunikasi wujud antara kami yang saya tidak tahu apa menjadi puncanya'.

[24] Ketiga, mengenai ketidakhadiran orang kena saman, SP4 menyatakan bahawa wakilnya telah memberitahu dia tidak dapat hadir kerana cukai jalan kenderaan telah tamat dan tidak dapat diperbaharui kerana bayaran kompaun disekat. SP4 menegaskan bahawa dia tiada apa kepentingan serta tidak kenali orang kena saman. Akhirnya, SP4 bersandarkan kepada ss 419 dan 422 Kanun Acara Jenayah kerana hukuman yang dijalankan olehnya merupakan hukuman oleh mahkamah yang bidang kuasa kompeten dan tiada menjejaskan keadilan dengan 'matlamat pelaksanaan asasi keadilan dan pelupusan kes telah tercapai bagi kedua-dua pihak'.

[25] Adalah tidak benar dalam keadaan kes ini bahawa 'kesilapan yang tidak dijangkakan' telah berlaku. SP4 sebagai seorang majistret sepatutnya tahu kedudukan undang-undang. Seperti telah dinyatakan, SP6 merupakan Lans Koperal Mahkamah Majistret II dan mustahil bagi SP4 seorang majistret, jika dia benar-benar hendak lakukan, tidak boleh mengarahkan SP5 pergi berurusan dengan majistret, Mahkamah Majistret II. Bagi alasan 'pegawai pendakwa akan hadir', jika benar, sudah tentu SP4 tidak akan mengendalikan kes tersebut tanpa kehadiran pegawai pendakwa. Ianya merupakan alasan yang lemah dan tidak dapat diterima. Alasan kedua di atas juga tidak munasabah. Jika benar, kenapa SP4 perlu mengendalikan kes itu dan kenapa selepas memutuskan kes berkenaan SP4 tidak menghubungi SP2 atau Hakim Mahkamah Sesyen I? Hakim Mahkamah Sesyen I dan SP2 bertugas di bangunan yang sama. Sekiranya tidak dapat berhubung dengan telefon, sudah tentu SP4 boleh berjalan dan berjumpanya SP2 atau Hakim Mahkamah Sesyen I secara peribadi. Alasan ini adalah setakat melepas batuk di tangga.

[26] Alasan ketiga SP4 juga tidak boleh diterima kerana kehendak undang-undang sepertimana dijelaskan menetapkan bahawa orang kena saman mesti hadirkan diri di mahkamah untuk menghadapi pertuduhan P5. Persoalannya ialah bukan sama ada SP4 ada kepentingan atau tidak, tetapi selaku Majistret kenapa SP4 sendiri tidak mematuhi kehendak-kehendak undang-undang yang jelas dan mandatori. Apa SP4 telah lakukan ialah memberi layanan istimewa yang menyalahi undang-undang kepada orang kena saman dengan mengendalikan kesnya tanpa kehadirannya sendiri tetapi hanya melalui wakil sahaja. Denda RM100 oleh SP4 didapati amat ringan

daripada hukuman maksima yang boleh dikenakan di bawah s 23(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa amaun kompaun bagi kesalahan tersebut lebih berat daripada RM100. P5 dibawa di hadapannya jelas sebelum jam pukul 8.36 pagi hari berkenaan, bukan lebih kurang 9 pagi sepertimana dinyatakan oleh SP4 kerana catitan pembayaran denda RM100 dalam resit rasmi (P4) ialah pada jam 8.36 pagi. Sudah menjadi amalan semua mahkamah untuk memulakan perbicaraan pada 9 pagi. Persoalan yang timbul ialah apakah perlunya pertuduhan P5 diselesaikan secara tersorok dan tergesa-gesa?

[27] Peninggalan-peninggalan dan kesalahan-kesalahan di sisi undang-undang yang telah dilakukan oleh SP4 dalam kes ini merupakan peninggalan-peninggalan dan kesalahan-kesalahan yang memberi kesan kepada akar umbi perkara ini. Prinsip-prinsip penting dan asas berkenaan kes jenayah sepertimana ditetapkan oleh Kanun Acara Jenayah telah diketepikan oleh SP4 mengakibatkan keputusannya ke atas pertuduhan P5 tidak sah serta proses keadilan telah terjejas. Seksyen 419 dan s 422 Kanun Acara Jenayah sudah tentu tidak terpakai dalam kes ini. Sepertimana ditegaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Harun bin Abdullah v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 1:

> We must reiterate that since this was a breach of an explicit provision of the CPC and a principle of general importance in the administration of justice, it was not an error, omission or irregularity for which a finding, sentence or order could be reversed or altered under s 422 of the CPC. This is irrespective of whether such error, omission or irregularity has occasioned a failure of justice.

[28] Tindakan-tindakan SP4 merupakan penyalahguna kuasa kehakiman oleh seorang yang sepatutnya menegakkan keadilan mengikut undang-undang. Ianya tidak ada beza dengan tindakan-tindakan oleh pesalah-pesalah yang tidak menghormati undang-undang. SP4 telah mencemarkan nama baik badan kehakiman dan menjejaskan kepercayaan orang awam kepada proses keadilan mengikut undang-undang. Pelupusan kes semestinya merupakan pelupusan kes mengikut undang-undang. Tidak keterlaluan bagi saya menyatakan bahawa SP4 bukan merupakan seorang yang sesuai untuk menyandang jawatan majistret. Keadilan sebenar bukan berberat sebelah. Dalam konteks ini peringatan Raja Azlan Shah H (sepertimana Baginda pada masa itu) dalam kes *Public Prosecutor v Tengku Mahmood Iskandar* [1973] 1 MLJ 128 adalah relevan:

> Today it is not so much the respondents who are on trial but justice itself. How much justice is justice? If the courts strive to maintain a fair balance between the two scales ie the interest of the accused person and the interest of the community, then I must say justice is just. The aim of justice must be balance and fairness. No tenderness for the offender can be allowed to obscure that aim.

[29] Berasaskan semua yang saya nyatakan, perintah sabitan oleh Mahkamah Majistret dan denda RM100 diketepikan. SP6 diarah hadir di Mahkamah Majistret Sungai Petani untuk menghadapi pertuduhan asal sepertimana dalam P5.

[30] Sebelum saya akhiri saya ingin menyatakan bahawa tindakan SP6 mengambil kertas pertuduhan P5 tanpa kebenaran atau pengetahuan Majistret, Mahkamah

Majistret II atau pegawai pendakwa dan membawanya kepada Majistret, Mahkamah Majistret I untuk diselesaikan dalam kamar merupakan satu tindakan yang serius dan menyalahi undang-undang serta menjejaskan proses keadilan. Sebagai anggota polis SP6 sepatutnya menghormati dan mematuhi undang-undang. Juga, kes ini patut menjadi pengajaran kepada semua majistret sebagai orang yang bertanggungjawab menegakkan keadilan, dalam menjalankan tugas-tugas mereka, supaya sentiasa bertindak berasaskan undang-undang dan arahan-arahan pentadbiran.

Perintah sewajarnya.

Reported by Peter Ling